

# **LAB TEST VAGANZA ENTERPRISE**

**Disediakan Untuk :**

**En. Amran Awang  
Pensyarah ETR**

**Disediakan Oleh :**

**Norashikin Hj. Pawanchik  
Mazuin Mohd Rahim  
Nazilah Che Me  
Noorhaslin Abu**

**ISI KANDUNGAN.****MUKA SURAT**

Sekapur Sirih Sekacip Pinang.	i
Surat Penyerahan	ii
Sinopsis	iv
Penghargaan	vi
Logo	vii
Pengenalan	ix
Tujuan Rancangan Perniagaan	x
Latar Belakang Perniagaan	xi
Latar Belakang Ahli Rakan Kongsi	xii
Surat Perjanjian Perkongsian	xvi
Rancangan Pentadbiran	1
Rancangan Pemasaran	17
Rancangan Operasi	31
Rancangan Kewangan	56
Lampiran	

Lab Test Vaganza Enterprise di daftarkan pada 1 Oktober 1999 yang beroperasi di Prai Pulau Pinang . Lab Test Vaganza Enterprise adalah sebuah perniagaan berbentuk perkongsian yang diasaskan oleh empat anak muda yang berpotensi besar di dalam bidang perniagaan.

Bidang perniagaan yang di ceburi adalah lebih kapada bentuk perkhidmatan di mana syarikat kami menganalisa sisa-sisa buangan dari kilang. Syarikat ini memulakan operasinya berbekalkan modal sebanyak RM 203,867.00 . Sumbangan para rakan kongsi adalah sebanyak RM 25,966.75 seorang iaitu sebanyak 25% daripada keseluruhan modal.

Lokasi yang di pilih iaitu di Seberang Prai Pulau Pinang kerana ianya amat bersesuaian dengan prniagaan yang bakal kami ceburi . Ini sekaligus memudahkan lagi para pengusaha kilang berurusan dengan kami.

Oleh kerana Seberang Perai merupakan sebuah kawasan perindustrian, maka perkhidmatan yang kami tawarkan adalah satu keputusan yang tepat dan mempunyai potensi untuk berdaya maju jika di lihat dari kadar pembangunan kilang yang semakin meningkat di Seberang Perai.

Harga yang di tawarkan oleh syarikat kami untuk setiap perkhidmatan adalah bergantung kepada jenis parameter yang di analisa. Sebagai contoh kami i mengenakan bayaran sebanyak RM 39 untuk penganalisaan sampel COD dan BOD. Saiz pasaran pula tertumpu kepada bilangan kilang yang terdapat di sekitar kawasan Perai.

Dalam aspek operasi syarikat, Lab Test Vaganza Enterprise manawarkan perkhidmatan penganalisaan sisa-sisa buangan kilang. Proses penganalisaan ini dijalankan dengan menggunakan teknik serta alatan yang canggih seperti AAS dan sebagainya. Kami mendapatkan radas daripada pembekal-pembekal di seluruh negara seperti Kuala Lumpur dan Selangor.

Dari aspek pemasaran , syarikat ini lebih menitikberatkan kepada perkhidmatan pengambilan dan penghantaran yang cekap dan cepat mengikut keperluan pelanggan. Syarikat menggunakan van bagi tujuan pengambilan dan penghantaran sampel-sampel kepada pengusaha-pengusaha kilang.

Di atas segala penilaian oleh para rakan kongsi yang di buat, maka Lab Test Vaganza Enterprise mempunyai potensi besar untuk berkembang dan mampu menjadi batu loncatan serta menjadi rangkaian perniagaan bagi industri-industri lain untuk bertapak di dalam bidang perniagaan.

Sekian, Terima Kasih.

**Pengarah Urusan ,**  
**Lab Test Vaganza Enterprise**

( NORASHIKIN PAWANCHIK)

Lab Test Vaganza Enterprise merupakan syarikat perkongsian yang berkonsepkan perkhidmatan syarikat ini lebih tertumpu kepada kerja-kerja penganalisaan bahan-bahan buangan kilang.

Perkhidmatan penganalisaan sisa-sisa buangan kilang ini dipilih berdasarkan kepada permintaan yang tiggi selaras dengan pertambahan kilang-kilang dalam sektor perindustrian. Kurangnya penglibatan kaum bumiputera dalam bidang ini mendorong kami untuk menceburi bidang ini.

Lokasi perniagaan kami bertempat di alamat, Lab Test Vaganza Enterprise, 87, Kurau, Taman Chai Leng Park, Perai Pulau Pinang.

Syarikat ini dijangka akan mula beroperasi pada 1 januari 2000. Perkhidmatan yang berkualiti amatlah mempengaruhi syarikat kami di mana ramai di kalangan pengusaha-pengusaha kilang memerlukan perkhidmatan yang berkonsepkan syarikat kami.

Adalah menjadi harapan kami agar dengan tertubuhnya Lab Test Vaganza Enterprise ini, ianya akan dapat menambahkan lagi jumlah Bumiputera untuk bergiat aktif di dalam perniagaan berkonsepkan perkhidmatan ini. Semoga perniagaan ini akan lebih berdaya maju selaras dengan pertumbuhan ekonomi negara.